



FOTO: HA PRITHU/GETTY IMAGES
DR Nazlina bersama rekaan pakaiannya

WM

INOVASI DR NAZLINA

Guna kepakaran dalam bidang fesyen tekstil, cipta pakaian untuk warga emas sehingga terima pengiktirafan antarabangsa

FOKUS

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@metro.com.my

Pertemuan dengan wanita hebat ini membuatkan penulis kagum dengan kepakarannya dalam bidang fesyen tekstil. Ilmunya dalam bidang itu sangat tinggi hingga mampu menghasilkan ratusan inovasi di luar kotak menerusi gabungan tiga elemen iaitu tekstil, kejuruteraan dan sains. Kehebatan itu mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila satu inovasi terbaharunya

menghasilkan pakaian untuk warga emas memenangi Anugerah Inovasi Wanita di Korea Selatan, baru-baru ini. Profesor Madya Dr Nazlina Shaari, 54, dari Jabatan Reka Bentuk Tekstil di Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, beliau meneroka ilmu itu apabila melanjutkan pengajiannya di peringkat doktor falsafah (PhD) dalam bidang kejuruteraan kansel dan reka bentuk artifak di Chiba Universiti Jepun. Menurutnya, sepanjang pengajian itu beliau ditempatkan di fakulti kejuruteraan dan

mula mencabar dirinya mengadaptasi sesuatu yang baharu. "Kansel ialah falsafah reka bentuk daripada Jepun yang berkaitan emosi dan deria. "Di Jepun, kajian yang dilakukan adalah lebih menjurus terhadap impak produk kepada enam deria manusia termasuk emosi. "Kemudian produk ini direka semula supaya pengguna merasakan ia mempunyai fungsi maksimum, memudahkan urusan dan menggemblirakan mereka," katanya. Katanya, warga emas

memiliki ketidakupayaan untuk memakai baju atau memasang butang pakaian, terutama yang mempunyai masalah lumpuh sebelah tangan. "Keadaan ini mencetuskan idea mencipta pakaian khas untuk warga emas supaya mereka boleh memakai pakaian itu sendiri tanpa bantuan orang lain. "Inovasi pakaian ini adalah satu bentuk senaman untuk warga emas menjadi sihat melalui gerakan anggota badan ketika memakai pakaian," katanya. Anak kelahiran Pulau Pinang itu berkata,



MENERIMA banyak anugerah peringkat antarabangsa dan di Malaysia.



BERSAMA sebahagian daripada koleksi inovasi rekaan pakaiannya

sebelum mencipta pakaian itu, beliau terlebih dahulu membuat penyelidikan ke rumah orang tua di Malaysia dan Jepun. "Hasil penyelidikan itu menemui masalah yang serupa di rumah orang tua berkenaan (Malaysia dan Jepun) iaitu kesukaran warga emas memakai pakaian sendiri. "Maka kejuruteraan kansel diguna pakai dalam penghasilan pakaian khas untuk warga emas terbahit," katanya. Menurutnya, jenis fabrik pakaian ini adalah daripada kapas kerana menyerap peluh dengan berkesan. Ia sangat sesuai untuk kegunaan warga emas dan menjadikan mereka lebih selesa. "Saya gembira menghasilkan inovasi kerana ia dapat memberi manfaat kepada orang lain. "Ini satu impian saya angankan ketika kecil iaitu mahu menjadi



MENGUNAKAN pelekat dalam inovasi pakaian warga emas.

Inovasi pakaian ini adalah satu bentuk senaman untuk warga emas menjadi sihat melalui gerakan anggota badan ketika memakai pakaian

DR NAZLINA

pereka fesyen yang boleh membantu masyarakat. "Perjalanan awal kerjaya ini bermula dengan melanjutkan pengajian dalam seni reka dan seni lukis di Universiti Teknologi Mara (UiTM)," katanya. Jelasnya, kemudian beliau meneruskan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Reka Bentuk Tekstil di United Kingdom sebelum menyambung PhD dalam bidang kejuruteraan kansel dan reka bentuk artifak di Chiba Universiti Jepun. Ditanya mengenai pembabitannya dalam bidang reka bentuk dan seni bina di Malaysia, beliau berkata, pada masa ini jurang itu masih besar kerana selalunya bidang terbahit diberi keutamaan kepada lelaki. "Hakikatnya tidak perlu ada sentimen sebegini kerana dalam bidang berkenaan, wanita semakin kehadapan menghasilkan idea kreatif, berani bersuara dan sebagainya. "Sekiranya wanita diberikan peluang, mereka lebih berjaya dan melakar banyak kejayaan. "Peluang kerjaya dalam bidang seni reka dan seni bina atau reka bentuk perindustrian ada banyak, cuma peluang itu kepada wanita terhad. "Ini dikaitkan dengan sentimen wanita selepas mendirikan rumah tangga tidak berminat meneruskan kerjaya," katanya. Katanya, senario sekarang berbeza yang mana kebanyakan wanita memilih bekerja berbanding menjadi suri rumah sepenuh masa. Tambahnya, di UPM sendiri ramai pensyarah wanita lebih memilih berbanding lelaki.